



Nestlé®

Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. [197901000966].
2. <u>Kempen:</u>	GANJARAN VAKSIN BERSAMA NESTLÉ.
3. <u>Tempoh Kempen:</u>	Kempen bermula jam 00:00:00 pada 15/07/2021 dan ditutup jam 23:59:59 pada 22/09/2021.
4. <u>Kelayakan:</u>	Kempen ini dibuka kepada semua penduduk individu Malaysia yang sah dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Kempen. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>Kaedah Penyertaan:</u>	<p>a. Kempen ini adalah inisiatif NESTLÉ untuk memberi ganjaran kepada penduduk Malaysia yang telah mendaftar untuk Vaksinasi melalui Aplikasi MySejahtera.</p> <p>b. TIADA PEMBELIAN diperlukan untuk menyertai Kempen ini. Untuk mengambil bahagian dan berpeluang memenangi hadiah, anda mesti mendaftar atau telah mendaftar terlebih dahulu untuk menerima vaksinasi dengan Program Vaksinasi Covid-19 Nasional. Pendaftaran anda mesti ditunjukkan pada Halaman Vaksinasi Aplikasi MySejahtera ["Halaman Vaksinasi"]. Anda juga boleh mengambil bahagian jika anda telah menerima vaksinasi pertama atau kedua seperti yang tertera di Halaman Vaksinasi anda.</p> <p>c. <u>Penyertaan melalui Laman Web Kempen:</u></p> <ol style="list-style-type: none">Imbas Kod QR yang tertera di risalah atau kunjungi Laman Web Kempen di: https://www.dearnestle.com.my/ganjaran-vaksin-nestleLengkapkan butiran wajib yang diperlukan iaitu: Nama Penuh, No Kad Pengenalan, Alamat E-mel, Nombor Telefon bimbit [WhatsApp diaktifkan] dan Negeri Kediaman ["Butiran Peribadi"] dalam Borang Web ["Borang"] yang disediakan di Laman Web Kempen.Buat tangkapan skrin atau tangkap satu [1] gambar/imej dalam format JPEG yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> ["Imej JPEG"] dari Halaman Vaksinasi anda yang lengkap dengan Nama, No. Kad Pengenalan, tarikh didaftarkan dan tanda 'tick' hijau ["Butiran Peribadi"]. Satu [1] imej JPEG mesti mengandungi satu [1] gambar Halaman Vaksinasi sahaja.

	<p>iv. Harap maklum bahawa Penganjur TIDAK AKAN memproses maklumat lain selain dari Halaman Vaksinasi. Pastikan anda menyunting, membuang atau mengosongkan semua maklumat lain selain maklumat yang diperlukan seperti yang dikenal pasti dalam klausa sebelumnya.</p> <p>v. Muat naik Imej di Borang Web dan hantar [“Penyertaan”].</p> <p>d. Setiap Halaman Vaksinasi HANYA layak untuk satu [1] penghantaran Penyertaan sahaja. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Imej JPEG dengan Halaman Vaksinasi yang berulang dan/atau tiada Halaman Vaksinasi yang dimuat naik.</p> <p>e. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan yang tidak lengkap, berlainan dan/atau dengan berbilang Butiran Peribadi dan/atau Imej yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan.</p> <p>f. Penganjur berhak untuk meminta bukti Halaman Vaksinasi untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p>
<p>6. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 22/09/2021. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p>7. <u>Hadiah:</u></p>	<p>a. Hadiah-hadiah terbahagi kepada tiga [3] kategori seperti di bawah:</p> <p>i. <u>Pemenang yang menetap di Semenanjung Malaysia:</u> Hadiah berupa satu [1] Baucar e-Wallet LAZADA bernilai RM20 setiap satu.</p> <p>ii. <u>Pemenang yang menetap di Sabah:</u> Hadiah berupa satu [1] Baucar e-Wallet BOOST bernilai RM20 setiap satu.</p> <p>iii. <u>Pemenang yang menetap di Sarawak:</u> Hadiah berupa satu [1] Baucar e-Wallet Sarawak Pay bernilai RM20 setiap satu.</p> <p>b. Terdapat sejumlah dua puluh lima ribu [25,000] Hadiah layak untuk dimenangi sepanjang Tempoh Kempen. Penganjur akan memberikan Hadiah setiap minggu di sepanjang Tempoh Kempen.</p> <p>c. Terdapat dua ribu lima ratus [2,500] Hadiah untuk dimenangi setiap minggu selama sepuluh [10] minggu berturut-turut seperti di bawah: Minggu 1: 15/07 – 21/07/2021 Minggu 2: 22/07 – 28/07/2021 Minggu 3: 29/07 – 04/08/2021 Minggu 4: 05/08 – 11/08/2021 Minggu 5: 12/08 – 18/08/2021 Minggu 6: 19/08 – 25/08/2021 Minggu 7: 26/08 – 01/09/2021 Minggu 8: 02/09 – 08/09/2021</p>

	Minggu 9: 09/09 – 15/09/2021 Minggu 10: 16/09 – 22/09/2021
8. <u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan:</u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Kempen [masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ["Jumlah Penyertaan Layak"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak untuk minggu tersebut ialah 50450, Penganjur akan mengira dan memilih finalis ["Finalis"] untuk memenangi hadiah berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan 2500 Finalis Hadiah Mingguan: $50450 \div 2500 = 20.18$. Oleh sebab pembahagian 50450 dengan 2500 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 20.18 akan dibundarkan ke bawah kepada 20. 2500 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 20*, 40*, 60*, 80, 1000 dan seterusnya [*contoh pengiraan: 20, $20+20=40$, $40+20=60$].</p> <p>c. Nombor bersiri yang tidak dipilih dalam setiap minggu akan dibawa ke hadapan dan digabungkan dengan Penyertaan minggu-minggu berikutnya untuk berpeluang memenangi Hadiah pada minggu-minggu yang berikutnya.</p> <p>d. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp dari nombor: 6018 388 0802 ke nombor telefon bimbit yang diberikan dalam Borang.</p> <p>e. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu [1] soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p>
9. <u>Terma Tambahan:</u>	<p>a. Setiap peserta hanya boleh memenangi satu [1] Hadiah sahaja di sepanjang Tempoh Kempen:</p> <p>b. Bagi Pemenang yang menetap di <u>Semenanjung Malaysia</u>, kod PIN Baucar e-Wallet LAZADA bernilai RM20 akan dihantar melalui e-mel ke Alamat E-mel yang diberikan dalam Borang.</p>

	<p>c. Bagi Pemenang yang menetap di <u>Sabah</u>, kod PIN Baucar e-Wallet BOOST bernilai RM20 akan dihantar melalui e-mel ke Alamat E-mel yang diberikan dalam Borang.</p> <p>d. Bagi Pemenang yang menetap di <u>Sarawak</u>, Baucar e-Wallet Sarawak Pay bernilai RM20 akan dikreditkan ke nombor Kad Pengenalan dan nombor telefon bimbit pemenang yang diberikan dalam Borang.</p> <p>e. Semua Hadiah mesti diterima mengikut terma dan syarat Penganjur, penaja ejennya dan/atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah. Pemasangan aplikasi mudah alih yang diperlukan iaitu: WHATSAPP, E-MEL, APLIKASI LAZADA, APLIKASI BOOST dan APLIKASI SARAWAK PAY adalah tanggungjawab Pemenang. Penganjur berhak untuk melucutkan Hadiah jika aplikasi mudah alih yang diperlukan TIDAK dipasang oleh Pemenang. Untuk maklumat dan perincian lebih lanjut mengenai Hadiah, Pemenang disarankan untuk mengunjungi Laman Web Kempen: https://www.dearnestle.com.my/ganjaran-vaksin-nestle.</p> <p>f. Semua Pemenang akan menerima Hadiah mereka dalam masa 4-6 minggu dari 22/09/2021. Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa yang dinyatakan di bawah klausa ini kerana alasan di luar kawalan Penganjur.</p> <p>g. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Hadiah tidak diterima atau ditangguh penyampaiannya kepada Peserta. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas 22/11/2021 akan dibatalkan.</p> <p>h. Selepas tamat Kempen, Penganjur boleh, mengikut budi bicaranya, menawarkan peluang kepada Pemenang untuk mengambil bahagian dalam sebuah acara untuk memberi penghargaan kepada barisan hadapan terpilih yang terlibat dalam peperangan Malaysia menentang Covid-19. Penganjur akan menghubungi para Pemenang terpilih setelah tamat Kempen ini.</p>
--	--

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di <https://www.dearnestle.com.my/ganjaran-vaksin-nestle> secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").

Dengan menyertai Kempen, anda telah membaca dan bersetuju dengan **Terma dan Syarat** dan pemprosesan maklumat peribadi anda dalam **Notis Privasi** yang dilampirkan pada **Terma dan Syarat**.

Talian Khidmat Pengguna: 1800 88 3433.

B. Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua Peserta (dan ibu bapa/penjaga Peserta yang sah, jika Peserta bawah umur) yang menyertai Kempen ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”). Jika terdapat sebarang ketidakseragaman antara syarat Penyertaan ini dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakanya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Kempen, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Kempen akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta, dan surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayani.

2. Penyertaan Kempen

- 2.1 Dengan mengemukakan Penyertaan untuk Kempen ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada Penyertaan dalam Kempen, termasuk tanpa terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta semasa atau berhubung dengan Kempen hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.4 Bukti penghantaran Penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang Penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau Penyertaan yang tidak diterima. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, perisian, kegagalan e-mel atau

penerimaan Penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.

3. Kelayakan

3.1 Jika umur kelayakan Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan iaitu di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah sebelum menyertai Kempen dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.

3.2 Penganjur boleh meminta Peserta memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen termasuk tanpa had, dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga mereka yang sah dalam kes Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Tidak layak

Kumpulan orang di bawah tidak layak untuk menyertai Kempen:

(a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka); dan

(b) Kakitangan agensi Penganjur yang ada kaitan dengan Kempen dan ahlikeluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan suami isteri mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan disingkirkan:

(b) Penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau

(b) Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

(a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Kempen dengan pemalsuan, penipuan atau perdayaan; dan/atau

(b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Kempen apabila diminta untuk pengesahan Penganjur.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang lucut kelayakan.

6. Hadiah

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang gagal mengutip Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti diambil menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan sedia ada.” Hadiah hendaklah digunakan/diambil atas risiko Peserta sepenuhnya dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk kutipan.
- 6.7 Jika Peserta bawah umur 18 tahun dan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga mereka yang sah sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan Penyertaan Peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen (secara kolektif dinamakan “Bahan”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Kempen mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa

pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Intelektual

Peserta bersetuju bahawa semua hak milik intelektual dalam mana-mana kandungan dan/bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berkaitan dengan Kempen dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya secara kekal dan tanpa syarat akan menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak untuk menggunakan dan mengubah suai bahan atau hasil kerja sedemikian dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas bahan atau hasil kerja sedemikian.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur, syarikat pegangan, anak syarikat atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan segala kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat Penyertaan Peserta dalam Kempen, penerimaan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah, Penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berkaitan dengan Kempen atau pelanggaran Terma dan Syarat,

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Kempen adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kehilangan atau kerosakan dan sebagainya yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan Penyertaan Peserta dalam Kempen, dan juga penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Kempen dan Terma dan Syarat jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan dalam keadaan sedemikian mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam mana-mana bahan (termasuk bahan pemasaran dan Kempen) berhubung dengan Kempen, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Kempen ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian

dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada, pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik sedemikian bukan sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana the kewajiban yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketaksahan, tindakan yang menyalhi undang-undang atau kegagalan pengutkuasaan mana-mana terma tidak akan menjejaskan atau mempengaruhi kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Kempen yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Kempen disediakan dalam bahawa Bahasa Inggeris dan bahasan lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasakan dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan (menurut undang-undang Malaysia).

12. Notis Privasi

- 12.2 Dengan menyertai Kempen, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di www.nestle.com.my/info/privay_notice.
- 12.1 By participating in the Campaign, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in www.nestle.com.my/info/privacy_notice.